

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN NGA KOR MING
KAWASAN : TAIPING
TARIKH : 30 OKTOBER 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN NGA KOR MING (TAIPING) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci jumlah pampasan yang dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya secara satu per satu mengikut nama syarikat dalam tempoh 2008 hingga 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pampasan tol secara tunai yang telah dijelaskan oleh Kerajaan kepada pihak konsesi lebuhraya untuk tempoh dari tahun 2008 hingga 2013 ialah sebanyak RM1.109 bilion. Manakala anggaran jumlah pampasan tol pada tahun ini (2014) ialah sebanyak RM400 juta. Pampasan ini mengambil kira keputusan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan kadar tol berbanding kadar tol yang asal ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Maklumat pecahan pampasan tol (tunai) mengikut lebuhraya terlibat untuk tempoh dari tahun 2008 hingga 2013 ialah seperti di **Lampiran A.**

Sekian. Terima kasih.

LAMPIRAN A

PECAHAN PAMPASAN TOL (TUNAI) MENGIKUT LEBUH RAYA
DARI TAHUN 2008 HINGGA 2013

Bil	Lebuhraya	Pampasan (RM juta)						Jumlah (RM juta)
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	
1.	E12: Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur (AKLEH)	20.69	19.80	19.11	19.47	19.94	20.21	119.22
2.	E23: Lebuhraya Penyuraian Trafik - KL Barat (SPRINT)	32.06	29.67	48.02	53.97	59.44	58.68	281.84
3.	E38: Terowong SMART	-	-	10.78	11.27	11.56	12.14	45.75
4.	E18: Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang (SILK)	-	-	11.29	10.52	11.82	13.04	46.67
5.	E11: Lebuhraya Damansara - Puchong (LDP)	-	-	-	83.77	86.35	87.66	257.78
6.	E21: Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)	-	-	-	3.98	4.59	5.31	13.88
7.	E30: Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB)	-	-	-	7.71	6.19	5.20	19.1
8.	E22: Lebuhraya Senai - Desaru (SDE)	-	-	-	2.34	3.49	3.58	9.41
9.	E10: Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	-	20.22	13.47	24.61	27.19	29.02	114.51
10.	E17: Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)	4.05	3.92	4.19	4.26	4.33	9.58	30.33
11.	E5 : Lebuhraya KESAS	-	-	-	-	92.83	-	92.83
12	E35 : Lebuhraya Koridor Guthrie (GUTHRIE)	-	-	-	-	10.24	11.93	22.17
13	E26 : Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)	-	-	-	-	1.77	2.80	4.57
14	E9: Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	-	-	-	-	-	24.29	24.29
15	E20: Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX)	-	-	-	-	-	26.56	26.56
JUMLAH		56.80	73.61	106.86	221.90	339.74	310.00	1108.91